

**SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

**1. KEADAAN BARANG**

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

**2. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

**3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

**4. BARANG-BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

**5. PENYETUJUAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk menyetujuterima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga.
- (ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbangkan sebagai suatu sebut harga yang berasingan.

**6. PEMERIKSAAN**

- (i) Kerajaan adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- (ii) Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

**7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI**

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang yang dibekalkan oleh mereka adalah perkhidmatan mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

**8. PENOLAKAN**

- (i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.
- (ii) Apabila diminta penyebutharga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengikut barang-barang yang ditolak itu.

- (iii) Fasa-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan gantirugi kerana kemungkiran kontrak.

**9. PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

**10. TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju hanya kepada bidangkuasa Mahkamah.

**11. INSURAN**

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

**BARANG-BARANG EX-STOCK ATAU KELUARAN MALAYSIA**

**12. CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

**13. PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

**14. MATAWANG**

Sebut harga berasingan.

**15. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkus dan belanja pembungkusan.
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkus atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebutharga.

**LAMPIRAN B**

**SKOP PEROLEHAN PERKHIDMATAN**

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.0	Membekal dan memasang alat pemadam api baru termasuk perkhidmatan penyelenggaraan, pembaikan serta mengujiterima alat pemadam api sedia ada seperti berikut:	Tidak perlu diisi	Tidak perlu diisi	Tidak perlu diisi
1.1	Membekal dan memasang alat pemadam api jenis ABC <i>Dry Chemical Powder</i> (9 KG) model 'SRI' termasuk urusan pemeriksaan dan pengesahan oleh pihak BOMBA.	6 unit		
1.2	Membekal dan memasang alat pemadam api jenis CO2 (2 KG) model 'Eversave' atau setaraf dengannya termasuk urusan pemeriksaan dan pengesahan oleh pihak BOMBA.	10 unit		
1.3	Menjalankan kerja-kerja pemeriksaan dan penyelenggaraan alat pemadam api sedia ada jenis ABC <i>Dry Chemical Powder</i> (9KG) iaitu mengisi semula gas nitrogen, ABC <i>Dry Chemical Powder</i> , melengkapkan kelengkapan seperti <i>safety pin, hose belt, neck 'o' ring, rubber washer, blue pluger with strap for fire extinguisher, dry powder discharge horn</i> dan <i>pressure gauge (meter)</i> termasuk urusan pemeriksaan dan pengesahan oleh BOMBA.  <b>(PENYEBUT HARGA DIkehendaki MEMERIKSA SEMUA ALAT PEMADAM API SEDIA ADA SEBELUM MENETAPKAN HARGA)</b>	61 unit		
1.4	Membekal dan memasang kabinet/kotak khas model 'SRI' atau setaraf dengan <i>break glass</i> dan kunci untuk simpanan alat pemadam api termasuk tenaga kerja, pengangkutan serta peralatan berkaitan untuk memasang kabinet/kotak khas tersebut termasuk menempatkan semua alat pemadam api baru dan sedia ada di dalam kabinet/kotak khas yang telah dipasang di tempat yang telah ditetapkan pihak pengurusan Tapak Pesta Sungai Nibong. Kabinet/kotak khas tersebut perlu dipasang dengan sempurna bagi memastikan ianya tidak mudah ditanggalkan.	77 unit		

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
2.0	Perkhidmatan pemeriksaan, penyelenggaraan, pembaikan serta mengujiterima sistem pam air pili bomba ( <i>Fire Hose Reel</i> ) sedia ada seperti berikut:	Tidak perlu diisi	Tidak perlu diisi	Tidak perlu diisi
2.1	<p>Memeriksa, menyelenggara, membaiki serta mengujiterima 'Hose Real Water Pump' sedia ada model CALPEDA NN25/160A c/w 0.75 kw di <b>Bilik Pam Dewan A</b> dan <b>Bilik Pam Dewan Badminton</b> seperti berikut:</p> <p>i. Memeriksa, menyelenggara, membaiki serta mengujiterima <i>control panel</i> termasuk memastikan sistem bekalan elektrik pada <i>suis board</i> dan juga <i>pressure switch</i> supaya dapat berfungsi dengan baik.</p> <p><b>(PENYEBUTHARGA DIKEHENDAKI MEMERIKSA SISTEM PAM AIR SEDIA ADA SEBELUM MENETAPKAN HARGA)</b></p>	2 unit		
2.2	<p>Memeriksa, menyelenggara, membaiki serta mengujiterima motor pam sedia ada model YANMAR DIESEL L40AE termasuk keseluruhan sistem pendawaian dan sebagainya di <b>Bilik Pam Dewan A</b> dan <b>Bilik Pam Dewan Badminton</b> seperti berikut:</p> <p>i. Memeriksa, menyelenggara, membaiki serta mengujiterima motor pam sedia ada termasuk keseluruhan sistem pendawaian yang berkaitan dapat berfungsi dengan baik termasuk mengisi minyak diesel dan minyak motor serta menukar 1 unit batery baru 40AH.</p> <p>ii. Memeriksa, menyelenggara, membaiki serta mengujiterima sistem saliran air (keluar &amp; masuk) ke tangki simpanan air supaya dapat berfungsi dengan baik.</p> <p><b>(PENYEBUTHARGA DIKEHENDAKI MEMERIKSA SISTEM PAM AIR SEDIA ADA SEBELUM MENETAPKAN HARGA)</b></p>	2 unit 2 unit		
2.3	<p>Membekal dan memasang kabinet/kotak khas model 'SRI' atau setaraf dengannya lengkap dengan <i>break glass</i> dan kunci untuk simpanan '<i>Fire Hose Reel</i>' termasuk tenaga kerja, pengangkutan serta peralatan berkaitan untuk memasang kabinet/kotak khas tersebut. Kabinet/kotak khas tersebut perlu dipasang dengan sempurna bagi memastikan ianya tidak mudah ditanggalkan mengikut kedudukan seperti berikut:</p> <p>i. Dewan A ii. Dewan Badminton</p>	2 unit 3 unit		

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
3.0	Perkhidmatan pemeriksaan, penyelenggaraan, pembaikan serta mengujiterima pili bomba ( <i>Fire Hydrant</i> ) sedia ada seperti berikut:	<i>Tidak perlu diisi</i>	<i>Tidak perlu diisi</i>	<i>Tidak perlu diisi</i>
3.1	Memeriksa, menyelenggara, membaiki serta mengujiterima pili bomba ( <i>Fire Hydrant</i> ) sedia ada supaya dapat berfungsi dengan baik termasuk urusan berkaitan dengan Pihak Berkuasa Air sekiranya perlu termasuk kos berkaitan. <b>(PENYEBUTHARGA DIKEHENDAKI MEMERIKSA PILI BOMBA 'FIRE HYDRANT' SEDIA ADA SEBELUM MENETAPKAN HARGA)</b>	4 unit		
3.2	Membersihkan pili bomba ( <i>Fire Hydrant</i> ) sedia ada termasuk kawasan kunci pili bomba dan sekeliling termasuk kerja-kerja mengecat pili bomba ( <i>Fire Hydrant</i> ) sedia ada termasuk garisan sempadan kawasan pili bomba sedia ada yang perlu dikosongkan mengikut standard warna dan kualiti cat yang ditetapkan oleh pihak BOMBA.	4 unit		
3.3	Membekal besi pembuka kunci pili bomba ( <i>Fire Hydrant</i> ) jenis besi atau setaraf dengannya dan tahan lasak.	1 unit		
<b>JUMLAH KESELURUHAN DI BAWA KE BORANG SEBUT HARGA (LAMPIRAN Q)</b>				

\*Penyebutharga adalah dinasihatkan untuk menyemak semula dan memastikan jumlah keseluruhan yang dibawa ke Borang Sebut Harga (LAMPIRAN Q) adalah betul dan sebarang kesilapan dari segi pengiraan pada Skop Perolehan Perkhidmatan dan Borang Sebut Harga akan mengakibatkan penyertaan Penyebutharga ditolak.

**NOTA PENTING:**

**TEMPOH PERKHIDMATAN / BEKALAN DISEMPURNAKAN : 2 MINGGU DARIPADA TARikh PESANAN KERAJAAN**

**TEMPOH JAMINAN : 6 BULAN DARI TARikh SIAP KERJA**

Tarikh : .....	Tandatangan Penyebut Harga	: .....
Cop Syarikat :	Nama	: .....
	No. K/P	: .....